

USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan

Semester 1 2018/2019

PPK 223: KEMAHIRAN HIDUP DALAM PENDIDIKAN KHAS

TAJUK:

**KAJIAN KES TERHADAP KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS
TENTANG ASPEK KEMAHIRAN HIDUP**

NAMA: 1) SITI NUR ATIRAH BINTI NORDIN

NO KAD PENGENALAN: 980805-03-5574

NO. MATRIK: 142562

2) NURSYAZANA BINTI MOHD KAMAL

NO KAD PENGENALAN: 990221-08-7476

NO. MATRIK: 142733

NAMA PENSYARAH:

DR. RAJESVARI

TARIKH PENGHANTARAN:

21 NOVEMBER 2018

KAJIAN KES TERHADAP KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS TENTANG ASPEK KEMAHIRAN HIDUP

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kemahiran hidup yang terdapat pada kanak-kanak berkeperluan khas. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti aspek kemahiran hidup yang terdapat pada kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Selain itu, melalui kajian yang dilakukan, pengkaji juga dapat mengenal pasti kesan kemahiran hidup terhadap kanak-kanak masalah pembelajaran iaitu autisme. Kajian ini juga dijalankan untuk membolehkan pengkaji memberi cadangan intervensi dan cara untuk menguasai kemahiran dari aspek pengurusan diri dan tingkah laku. Lokasi kajian ini terletak di SMK Padang Polo, Pulau Pinang. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah soal selidik, temu bual, dan pemerhatian. Hasil kajian menunjukkan responden mempunyai kemahiran yang sangat baik dalam aspek pengurusan diri. Guru-guru boleh mengambil intervensi awal dan cadangan yang dinyatakan oleh pengkaji untuk meningkatkan lagi kemahiran hidup kanak-kanak masalah pembelajaran (autisme) yang dijadikan responden kajian ini. Pengkaji juga didedahkan dengan cabaran sebenar yang dihadapinya dalam pendidikan khas dan ini boleh dijadikan sebagai panduan pengkaji pada masa akan datang.

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
ABSTRAK	2
KANDUNGAN	3
PENGHARGAAN	4
1.0 PENGENALAN	5-7
2.0 OBJEKTIF KAJIAN	8
3.0 LOKASI KAJIAN	9-11
4.0 SASARAN KAJIAN	12
5.0 KEPENTINGAN KAJIAN	13
6.0 SKOP KAJIAN	14
7.0 BATASAN KAJIAN	15
8.0 KAEDAH KAJIAN	16-18
9.0 DAPATAN KAJIAN	19-23
10.0 RUMUSAN KAJIAN	24
11.0 RUJUKAN	25
12.0 LAMPIRAN	26-30

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat juga saya menyempurnakan kajian lapangan yang telah saya jalankan yang bertajuk kajian 'kajian kes terhadap kanak-kanak berkeperluan khas tentang aspek kemahiran hidup'

Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Professor Madya Dr. Shaik Abdul Malik Mohamed Ismail selaku timbalan dekan (akademik, pelajar dan alumni) Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia kerana telah memberi kelulusan kepada kami untuk menjalankan kajian ini. Kami juga ingin berterima kasih Dr. R Rajesvari kerana telah banyak mendorong kami dalam melakukan kajian ini.

Seterusnya, terima kasih diucapkan kepada pengetua dan Penolong Kanan Pendidikan Khas SMK Padang Polo kerana telah memberi ruang kepada kami bagi menjalankan kajian ini di sekolah tersebut. Tidak dilupakan juga kepada kedua ibu bapa kami yang telah memberi sokongan dan dorongan yang kukuh kepada kami serta bantuan kewangan untuk menyiapkan pembentangan ini.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan seperjuangan dan pihak-pihak yang telah membantu kami secara langsung atau tidak langsung dalam memberi tunjuk ajar, memberi maklumat serta informasi terkini mengenai projek kajian yang dilakukan. Segala tunjuk ajar dan bantuan daripada anda semua amat kami hargai.

1.0 PENGENALAN

Pendidikan Khas sudah tidak asing lagi di Malaysia. Pendidikan Khas merupakan satu pendidikan yang mula diberi perhatian pada tahun 1920-an. Program ini dibuka oleh golongan sukarelawan di mana hanya sekolah khas bermasalah pendengaran dan penglihatan. Kini, sekolah Pendidikan Khas dibuka semakin meluas sehingga mempunyai istilah sekolah berintegrasi yakni campuran pelajar arus perdana dengan pelajar kelainan upaya.

Pendidikan khas membawa maksud satu program yang telah dibentuk oleh pihak kerajaan untuk memenuhi keperluan pendidikan pelajar berkeperluan khas dari segi pembelajaran, pendengaran dan penglihatan. Pendidikan Khas juga merujuk kepada satu pendekatan, rancangan pendidikan, strategi, kaedah dan teknik untuk mengajar pelajar-pelajar ini bagi mencapai target yang sepatutnya. Menurut Chua Tee Tee dan Koh Boh Boon (1992), pendidikan khas adalah Pendidikan bagi kanak-kanak yang luar biasa iaitu kanak-kanak yang mempunyai kekurangan dari segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelek. Kekurangan ini menyebabkan mereka sukar untuk mendapatkan faedah pembelajaran yang sempurna seperti kanak-kanak normal. Walaupun kanak-kanak ini mempunyai kekurangan, namun jika diasuh, dibelai dan dididik, mereka mampu untuk meneruskan kehidupan seharian dengan cara mereka mampu menguasai ilmu kemahiran hidup yang diajar dan dibimbing oleh orang terdekat dengan mereka seperti guru dan ibu bapa.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kemahiran membawa maksud kecekapan dan kepandaian seseorang dalam melakukan sesuatu perkara manakala hidup membawa maksud bernyawa atau bernafas. Oleh itu, kemahiran hidup boleh didefinisikan sebagai satu kebolehan yang perlu dikuasai oleh seseorang individu bagi meneruskan kehidupannya. Kemahiran hidup seperti pengurusan diri, berkebun, memasak dan

sebagainya dapat membantu seseorang individu meneruskan kehidupan sehariannya secara berkesan dan teratur.

Masalah pembelajaran merupakan salah satu daripada kanak-kanak berkeperluan khas. Masalah pembelajaran dapat didefinisikan sebagai masalah dalam satu atau lebih daripada proses asas psikologi yang melibatkan pemahaman dan penggunaan bahasa iaitu dari segi pertuturan mahupun lisan. Masalah pembelajaran yang dihadapi oleh seseorang boleh mengakibatkan kebolehan mendengar, berfikir, bertutur dan membaca menjadi tidak sempurna seperti kanak-kanak normal. Menurut the National Joint Committee on Learning Disabilities (NJCLD), masalah pembelajaran merujuk kepada satu kumpulan yang mempunyai pelbagai masalah yang mengakibatkan mereka sukar mendengar dengan nyata, bertutur, membaca, menulis dan membuat keputusan.

Menurut buku Pengantar Pendidikan Khas, masalah pembelajaran ini mempunyai beberapa jenis iaitu masalah pembelajaran seperti autisme, Deficit Hyperactive Disorder (ADHD), sindrom down dan kerencatan akal.

Masalah pembelajaran ini perlu dipandang serius oleh semua pihak kerana masalah ini merupakan satu gangguan perkembangan seumur hidup. Autisme merupakan fenomena yang masih menyimpan banyak rahsia walaupun telah diteliti lebih 60 tahun. Sehingga kini, punca dan sebab utama berlakunya masalah ini belum dapat dikenal pasti oleh tokoh-tokoh. Oleh itu, mereka tidak dapat mengenal pasti kaedah untuk menangani gejala ini.

Kanak-kanak autisme akan berada dalam dunianya yang tersendiri. Satu kajian telah dijalankan oleh Paluszny (1979), beliau telah menunjukkan seorang kanak-kanak bernama Victor yang tidak suka bercakap, tidak memberi perhatian kepada sesuatu perkara dan sebagainya. kanak-kanak

ini telah menunjukkan perbuatannya mempunyai persamaan dengan ciri-ciri ke arah autisme. Oleh itu, seseorang tokoh telah menamakan autisme adalah sebagai satu sindrom kumpulan tingkah laku yang unik.

Individu autisme tidak akan menunjukkan sebarang minat, tidak suka didukung ataupun dipeluk dan kadang-kadang dia menjerit tanpa sebab. Terdapat beberapa ciri untuk mengenal pasti kanak-kanak autisme seperti mempunyai masalah dalam komunikasi, interaksi sosial, pola bermain serta mempunyai gangguan deria, tingkah laku dan emosi.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN


Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti aspek kemahiran hidup yang terdapat pada kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Hasil daripada kajian ini membuktikan bahawa terdapat banyak aspek kemahiran hidup dan kaedah pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai kepada kanak-kanak berkenaan.

Selain itu, melalui kajian yang dilakukan, pengkaji juga dapat mengenal pasti kesan kemahiran hidup terhadap kanak-kanak masalah pembelajaran iaitu autisme. Dengan maklumat yang dapat, kesan yang baik dapat diterapkan dalam seseorang individu jika mereka dapat menguasai kemahiran hidup.

Kajian ini dijalankan juga untuk membolehkan pengkaji memberi cadangan intervensi dan cara untuk menguasai kemahiran dari aspek pengurusan diri dan tingkah laku. Pengkaji juga didedahkan dengan cabaran sebenar yang dihadapinya dalam pendidikan khas dan ini boleh dijadikan sebagai panduan pengkaji pada masa akan datang.

3.0 LOKASI KAJIAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat lokasi kajian bermaksud kajian terhadap tempat atau kedudukan sesuatu aktiviti ekonomi.



Peta 1: Negeri Pulau Pinang

(Sumber: <https://www.google.com.my/maps/>)

Peta 1 di atas menunjukkan negeri Pulau Pinang. Pulau Pinang merupakan salah satu negeri yang terletak di tengah-tengah pulau. Oleh itu, satu jambatan yang kedua terpanjang di Malaysia dan kelima terpanjang di Asia Tenggara. Jambatan mempunyai panjang kira-kira 13.5 kilometer di mana 8.4 kilometer daripadanya merentasi laut. Jambatan ini menghubungkan Pulau Pinang di Lebuhraya Gelugor, Bayan Lepas dengan tanah besar semenanjung di Seberang Perai. Kerja pembinaan bermula pada tahun 1982 dan siap dibina pada tahun 1985, hanya 3 tahun sahaja dan memakan belanja sebanyak RM 850 juta. Jambatan ini membawa kebanggaan kepada negara. Ia diakui sebagai pencapaian kejuruteraan yang cemerlang di dunia. Ini adalah kerana struktur tengahnya merupakan antara jambatan kabel-penahan (*cable-stayed bridge*) yang terawal di dunia



Peta 2: Geogetown

(Sumber: <https://www.google.com.my/maps/>)

Peta 2 menunjukkan sebuah bandar Georgetown yang terdapat pada peta negeri Pulau Pinang. Bandar ini merupakan sebuah bandar yang terdapat banyak kemudahan atau pelbagai tempat yang menjadi tumpuan penduduk setempat. Hal ini kerana, dalam kajian ini dapat menggambarkan sebuah bandar yang mempunyai pelbagai jenis kemudahan yang disediakan serta memudahkan penduduk setempat. Antaranya ialah Kolej Kejururawatan Pulau Pinang, Balai Polis, dan tempat yang paling terkenal iaitu kompleks membeli belah iaitu KOMTAR.



Peta 3: SMK Padang Polo

(Sumber: <https://www.google.com.my/maps/>)

Peta 3 menunjukkan SMK Padang Polo, Butterworth Pulau Pinang. Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Polo atau nama ringkasnya SMK Padang Polo, merupakan sebuah sekolah menengah kebangsaan yang terletak di Jalan Sepoy Lines. Pada 2009, Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Polo memiliki 0 pelajar lelaki dan 323 pelajar perempuan, menjadikan jumlah keseluruhan murid seramai 323 orang. Ia mempunyai seramai 35 orang guru. Namun sekolah ini telah dikelaskan sebagai sekolah berintegrasi dimana telah menempatkan pelajar kelainan upaya untuk diberikan pendidikan yang secukupnya kepada mereka. Ramai guru yang prihatin terhadap pelajar pelajar ini. Barisan guru khas dipegang sepenuhnya oleh Penolong Kanan Pendidikan Khas iaitu Puan Pua Yoke Fang.

4.0 SASARAN KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Polo yang berlokasi di Geogetown, Pulau Pinang. Sekolah ini telah diberi gelaran sekolah berintegrasi di mana sekolah ini telah menyediakan pendidikan khas kepada kanak-kanak bermasalah pembelajaran.

Pelajar yang dijadikan sasaran kajian ini ialah Lau Thun Tze berumur 15 tahun. Lau Thun Tze merupakan salah seorang daripada pelajar yang bermasalah pembelajaran (autisme). Dia merupakan pelajar yang telah menerima pendidikan khas di SMK Padang Polo sejak tahun 2016.

5.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengetahui lebih lanjut tentang penguasaan kemahiran hidup dari pelbagai aspek oleh kanak-kanak berkeperluan khas terutama dalam pengurusan diri.

Selain itu, memberi penerapan dalam mengkaji kemahiran psikomotor kanak-kanak berkeperluan khas iaitu motor kasar dan motor halus serta domain yang dikaji.

Kajian ini dijalankan juga untuk membolehkan pengkaji mengetahui kesan kemahiran hidup yang dimiliki ini mampu membantu mereka dalam kehidupan sehariaanya. Selain itu, pengkaji juga ingin memberi cadangan intervensi dan cara untuk menguasai kemahiran dari pelbagai aspek kemahiran hidup kepada kanak-kanak berkeperluan khas.

6.0 SKOP KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji hanya mengkaji kemahiran hidup untuk kanak-kanak bekeperluan khas dari aspek pengurusan diri dan pergerakan psikomotor kasar dan halus.

Selain itu, pengkaji hanya memfokuskan kemahiran hidup dari segi pengurusan diri dan kesan ke atas kemahiran hidup yang dimiliki kepada pelajar bekeperluan khas dan memberi cadangan intervensi awal serta cara untuk menguasai kemahiran dari aspek pengurusan diri bagi mendorong kanak-kanak tersebut menguasai kemahiran hidup daripada pelbagai aspek dalam kehidupan seharian tanpa bantuan orang lain.

7.0 BATASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan selama 1 hari sahaja iaitu pada 29 Oktober 2018. Tempoh kajian ini boleh dikatakan sangat singkat. Hal ini disebabkan risau akan kajian yang dijalankan ini akan mengganggu waktu perjalanan pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Lawatan kami dimulakan dengan perjumpaan pertama dengan Guru Penolong Kanan SMK Padang Polo dan kedatangan kami disambut dengan baik. Perjumpaan ini dilakukan terlebih dahulu bertujuan mendapatkan kebenaran untuk melakukan kajian lapangan ini serta memastikan pihak sekolah dapat melakukan persiapan awal. Setelah mendapat kebenaran daripada pengetua sekolah, lawatan ini diteruskan seperti pada tarikh yang dicadangkan. Pada hari kajian yang dilakukan, beliau telah memudahkan kerja kami dengan memperkenalkan guru penyelaras serta guru-guru Pendidikan Khas.

Setelah diperkenalkan dengan guru-guru Pendidikan Khas, kami diberi kebenaran memasuki kelas untuk melihat bagaimana waktu pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi kanak-kanak pendidikan khas. Guru penyelaras juga telah mengaturkan temu bual antara saya dan rakan pasukan dengan Lau Thun Tze untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat mengenai sasaran kajian.

8.0 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian merupakan satu cara yang digunakan untuk melakukan kajian ke atas subjek kajian tertentu mengikut disiplin yang teratur. Oleh itu, kami akan membincangkan reka bentuk kajian, sampel kajian, batasan kajian, instrument kajian dan prosuder analisis data bagi menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan lebih awal.

8.1 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan berbentuk deskriptif. Penyelidikan deskriptif merupakan suatu jenis penyelidikan yang bertujuan untuk menerangkan fenomena yang sedang berlaku. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti aspek kemahiran hidup yang terdapat pada pelajar bermasalah pembelajaran dan kesan kemahiran hidup terhadap pelajar ini.

8.2 INSTRUMENT KAJIAN

Instrument ialah proses menyediakan alat pengumpulan dan menerusi konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi, pandangan dan keterangan latar belakang.

JADUAL: KAEDAH INSTRUMEN KAJIAN

Kaedah	instrument
Kuantitatif	Borang soal selidik dan borang temu bual
kualitatif	pemerhatian

(Sumber Kajian Lapangan 2018)

8.3 PERSAMPELAN

Persampelan ialah kumpulan manusia, institusi, tempat atau fenomena yang menjadi sumber inspirasi yang diperlukan oleh pengkaji. Persampelan penting dalam penyelidikan bagi kesimpulan yang dibuat daripada sampel benar-benar melalui pandangan atau persepsi sejumlah populasi. Pemilihan sampel untuk kajian ini dilakukan mengikut teknik persampelan ini, setiap warga SMK Padang Polo akan disoal selidik. Sampel kajian ini akan diperolehi daripada 5 orang responden yang terdiri daripada golongan pendidik, ibu bapa dan pelajar sekolah.

8.4 CARA PENGUMPULAN DATA

Cara pengumpulan data dan maklumat kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah soal selidik, pemerhatian, temu bual dan menganalisis data.

i) 8.4.1 SOAL SELIDIK

Kaedah ini dijalankan untuk mendapat maklumat dengan lebih tepat dan betul. Dalam kaedah ini, borang soal selidik diperlukan untuk memudahkan lagi kajian yang hendak dijalankan. Oleh itu, bentuk borang soal selidik yang sesuai dengan tajuk yang dikaji supaya dapat memenuhi objektif kajian. Borang itu kemudiannya diedarkan secara rawak kepada responden di kawasan kajian. Pengkaji membuat borang soal selidik dengan mengemukakan soalan-soalan selidik kepada responden. Dalam borang ini terdapat empat bahagian iaitu bahagian A mengandungi maklumat responden. Bahagian B tentang kemahiran pengurusan diri dan bahagian C tentang kesan kemahiran hidup kepada pelajar bermasalah pembelajaran.

ii) 8.4.2 TEMU BUAL

Temu bual ditakrifkan sebagai satu kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam penyelidikan kualitatif termasuk penyelidikan tindakan dan digunakan untuk mendapat maklumat yang banyak dalam masa yang singkat untuk memperkukuhkan dan melengkapkan lagi data yang diperolehi.

iii) 8.4.3 PEMERHATIAN

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Pemerhatian juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau data. Melalui pemerhatian ini, penyelidik dapat mengamati sesuatu tingkah laku subjek berpandukan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang telah dikenal pasti. Kaedah ini boleh dilakukan semasa lawatan ke kawasan kajian. Melalui kaedah pemerhatian, pengkaji telah memerhati dan mengenal pasti aspek kemahiran hidup yang terdapat pada pelajar dan kesan kemahiran hidup kepada pelajar. Kaedah pemerhatian ini telah dijalankan selama sehari di kawasan kajian tersebut.

8.5 MENGANALISIS DATA

Pada peringkat akhir kajian ini, menganalisis data daripada soal selidik dan memberi soalan kepada responden untuk menghasilkan laporan kajian yang telah diperolehi dan dianalisis.

9.0 DAPATAN KAJIAN

Setiap kanak-kanak yang lahir di dunia ini mempunyai keistimewaan dan bakat yang terpendam dalam diri seseorang termasuk juga kanak-kanak berkeperluan khas dari segi pembelajaran. Pendidikan khas dari segi pembelajaran mempunyai beberapa jenis seperti autisme, sindrom down, kerencatan akal dan sebagainya. “Belakang parang kalau diasah akan tajam jua”. Begitulah perumpamaan yang boleh diberikan kepada mereka. Oleh itu, semua pihak tidak boleh memandang rendah terhadap kekurangan mereka. Mereka seharusnya dibimbing dan diurus dengan baik sehingga mereka mampu menguruskan diri sendiri. Terdapat beberapa pendekatan yang boleh digunakan untuk mendidik mereka seperti pegurusan dari segi kognitif, emosi dan sebagainya.

Aspek kemahiran hidup mempunyai pelbagai jenis seperti aspek pengurusan diri, memasak, menjahit dan kraftangan. Namun, aspek yang perlu diberi penekanan dalam kemahiran hidup adalah aspek pengurusan diri. Pengurusan diri membawa merupakan satu keperluan utama untuk menguasai bidang kemahiran yang lain. Perkara ini perlu diberi penegasan kerana ia merupakan sesuatu yang amat penting untuk menentukan penguasaan bidang-bidang lain diperolehi dengan lancar dan sempurna.

Berdasarkan borang soal selidik yang kami telah edarkan, kami mendapati bahawa kanak-kanak bermasalah pembelajaran ini tidak semua yang tak mampu untuk menguruskan diri sendiri. Hal ini dikatakan sedemikian kerana Lau Thun Tze mampu untuk memakai pakaian yang berbutang dan berseluar zip malah dia juga menyangkut baju yang telah dipakainya di penyangkut baju. Ini membuktikan bahawa kanak-kanak ini lebih mengetahui tentang pengurusan diri berbanding kanak-kanak normal. Lau Thun Tze mendapat pembelajaran ini daripada gurunya iaitu Puan Ayu yang baru saja bekhidmat disekolah ini selama 3 tahun. Gurunya mengatakan bahawa Lau Thun Tze ini seorang pelajar yang amat rajin dan berdedikasi malahan

bertanggungjawab walaupun dia mempunyai kekurangan. Lau Thun Tze akan membantu rakan-rakan sekelasnya jika mereka memerlukan pertolongan seperti mengambil buku-buku milik rakannya lalu disimpan di tempat yang betul, menyusun kasut agar teratur dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran subjek kemahiran hidup amat penting kepada pelajar berkeperluan khas.

Kami juga mendapati bahawa Lau Thun Tze boleh menguruskan dirinya sendiri dari aspek makan, minum dan membasuh tangan usai selesai makan. Hal ini dapat dibuktikan apabila tiba waktu rehat, Lau akan pergi duduk ke tempat duduknya di kantin. Disini kami mendapati Lau mampu menggunakan psikomotornya untuk memegang sudu ketika makan dengan penuh tatatertib. Namun, menurut ibu bapa Lau, setiap hari mereka wajib menghantar makanan dan menunggunya sehingga Lau selesai makan. Ini kerana Lau mengalami masalah dari segi komunikasi. Lau tidak mampu untuk menunjukkan perkembangan Bahasa dalam komunikasi seperti kanak-kanak lain. Lau juga sering mengulangi ungkapan ataupun kata-kata telah mereka dengar. Umpamanya, jika seseorang bertanya “Sudah makan?”, maka Lau akan menjawab “Sudah makan”. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak jenis autisme ini mengalami ekolalia dimana mereka tidak mampu untuk menggunakan bahasa dengan kreatif.

Bagi pengurusan diri dari aspek menggosok gigi, mencuci tangan dan mulut, Lau mengalami sedikit kesukaran. Hal ini dikatakan sedemikian kerana Lau mempunyai tingkah laku yang pelik seperti suka menggoyangkan tangan. Disini kami melihat apabila kami memberikan barang-barang seperti berus gigi, ubat gigi, tuala dan gelas, kami mendapati Lau telah menggoyangkan berus gigi tersebut sehingga terjatuh ke dalam longkang. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak autisme ini mempunyai ketidakfungsian tingkah laku seperti rangsangan sendiri tingkah laku. Mereka akan mengulangi tingkah laku tersebut seperti menggoyangkan tangan dan menghantuk kepala. Mereka juga mempunyai masalah untuk tidur,

hubungan yang lemah, hiperaktif atau hipoaktif dan yang paling jelas kelihatan mereka kurang menumpukan perhatian. Meskipun begitu, individu autisme mempunyai daya ingatan yang baik untuk menghafal. Murid-murid autisme juga kelihatan tertarik dengan kebisingan dan objek yang bergerak secara berulang-ulang. Sebagai contoh, sesetengah murid mungkin tertarik dengan bunyi telefon mainan atau papan kekunci elektronik atau kemungkinan mereka akan megetuk lantai dengan sesuatu objek untuk membuat bunyi.

Bagi menguji seseorang individu mengalami masalah ini atau tidak, beberapa pakar telah menemui beberapa cara. Terdapat dua ujian yang dapat dijalankan secara berkesan terhadap murid-murid autisme iaitu ujian kecerdasan atau intelektual dan ujian tingkah laku. Ujian ini dapat digunakan bagi merancang program untuk mereka. Ujian kecergasan merupakan komponen utama dalam menentukan individu autisme untuk menerima perkhidmatan pendidikan khas. Ujian tingkah laku dilaksanakan untuk mengetahui matlamat kefungsiian tingkah laku seseorang individu. Ujian ini difokuskan untuk mengenalpasti tingkah laku dan akibat setiap tingkah laku tersebut.

Walaupun Lau Thun Tze mempunyai kemahiran dalam mengurus diri sendiri tetapi dia tidak mempunyai kemahiran berkomunikasi dan bersosial. Lau Thun Tze mengalami kesukaran dalam mengikuti arahan, menjawab soalan yang mudah, berkomunikasi dengan orang lain yang tidak dikenali. Ini kerana murid-murid autisme sangat sukar untuk diramal dan kerap berubah-ubah. Mereka sering ketawa, marah dan menangis tanpa sebab. Mereka juga akan mengamuk di luar jangkaan jika kemahuan mereka tidak dituruti. Mereka akan merosakkan benda yang berada berdekatan dengannya. Mereka juga akan menyerang sesiapa sahaja yang berhampirannya jika emosinya terganggu. Mereka juga tidak mempunyai persaan simpati terhadap orang lain.

Kanak-kanak autisme ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Dalam aspek kemahiran manipulatif, Lau Thun Tze mengalami kesukaran untuk membaca ayat yang ringkas tetapi dia mempunyai tahap mengingati yang tinggi. Ini dapat dibuktikan daripada hasil temu bual kami dengan gurunya. Puan Ayu mengatakan bahawa Lau Thun Tze merupakan seorang pelajar yang mempunyai tahap mengingati yang tinggi berbanding rakan-rakan sekelasnya. Lau Thun Tze mampu mengenali huruf dan nombor. Selain itu, Lau juga mampu menulis Namanya walaupun tulisannya sedikit berlainan dengan kanak-kanak normal. Keistimewaan yang dimiliki oleh golongan autism seperti daya kreativiti yang sangat tinggi, kemampuan visual yang lebih baik dan tahap kognitif yang lebih cerdas. Ramai tokoh-tokoh hebat seperti Albert Einstein, Sir Isaac Newton dan Michelangelo merupakan individu yang dikaitkan dengan autisme. Sudah terang lagi bersuluh, kanak-kanak autisme ini mempunyai kelebihannya tersendiri.

Setiap yang berlaku pasti ada kelebihannya. Ini boleh dikaitkan dengan kanak-kanak autisme. Setiap perkara yang dipelajarinya pasti mempunyai kelebihannya tersendiri. Oleh itu, mempelajari dan menguasai aspek kemahiran hidup dapat memberi kesan yang positif bagi setiap kanak-kanak pendidikan khas. Antara kesan yang dapat diperolehi adalah mereka dapat menguruskan dirinya sendiri, mampu berdikari setelah tamat persekolahan kelak, mampu mengendalikan alatan atau bahan dan mampu mengasah bakat. Daripada hasil temu bual kami dengan ibu responden, beliau menyatakan bahawa Lau Thun Tze mempunyai perubahan setelah dia dapat menguasai aspek kemahiran hidup. Pada awalnya, Lau langsung tidak mampu untuk menguruskan dirinya. Namun dengan penerapan pembelajaran kemahiran hidup, ia dapat membantu Lau dalam pengurusan dirinya. Penerapan ini tidak akan berlaku kepada Lau sekiranya tiada pihak yang membantu dan membimbing Lau. Buktinya, dalam konteks Pengantar Pendidikan Khas menyatakan bahawa murid-murid autisme dapat dididik. Keunikan corak pembelajaran mereka disebabkan ketidakupayaan kognitif untuk memproses sesuatu maklumat. Ketidakupayaan ini dapat diatasi dengan mengadakan program pembelajaran yang berstruktur dan mengadakan rangsangan. Oleh

itu, pihak yang terdekat dengan kanak-kanak ini harus bekerjasama dengan pihak guru bagi membantu pelajar autisme untuk mendapatkan hak pembelajaran yang sepatutnya dengan mewujudkan Rancangan Pembelajaran Individu (RPI).

Rancangan Pendidikan Individu (RPI) merupakan satu perkara yang amat penting dalam pendidikan khas. RPI membolehkan murid mengikut program yang dirancangkan sama ada yang telah diadaptasikan atau dimodifikasi dengan lebih berkesan. Dengan RPI, pembelajaran murid dapat ditingkatkan. Ini juga akan memberi pendedahan yang lebih mengenai anak murid kepada seseorang guru.

Langkah intervensi boleh dilakukan kepada pelajar ini. Contohnya, pengambilan ubat Ritalin. Tujuan pengambilan ubat ini adalah untuk merawat masalah kurang tumpuan dan hiperaktif yang dialami oleh mereka. Selain itu, pengambilan vitamin B6 bersama magnesium boleh diamalkan bagi meningkatkan perhatian.

Selain itu, terapi fizikal melibatkan kemahiran motor kasar dan motor halus mereka. Murid-murid ini mempunyai keupayaan kemahiran motor kasar dan motor halus yang amat terhad. Bagi menangani masalah ini, terapi fizikal dan deria boleh dijalankan serentak.

Akhir sekali, langkah intervensi adalah dengan mempelbagaikan program Pendidikan berasaskan komputer. Program-program yang dijalankan sedikit sebanyak dapat membantu mereka menghadapi masalah terencat perkembangan. Salah satu pembekal program berasaskan komputer adalah *Laureate*.

10.0 RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini telah mendedahkan pengkaji kepada pengetahuan dan kemahiran hidup dari segi pengurusan kanak-kanak bermasalah pembelajaran jenis autisme. Selain itu, menerusi kajian ini, pengkaji mendapat kemahiran untuk merancang pengajaran dan pembelajaran, intervensi awal dan Rancangan Pendidikan Individu (RPI).

Kajian ini juga telah membawa pengkaji untuk mendekati kanak-kanak pendidikan khas yang biasanya akan diabaikan oleh masyarakat. Kajian ini telah memberi impak yang besar kepada pengkaji supaya lebih prihatin, ikhlas dan rela hati untuk meneruskan pengajian dalam menuntut ilmu tentang pendidikan khas.

Menerusi kajian ini, pengkaji lebih memahami tentang pekerjaan dan tanggungjawab menjadi seorang guru pendidikan khas. Pengalaman ini akan dijadikan sebagai panduan pengkaji pada masa hadapan sekiranya pengkaji menjejaki ke bidang pendidikan khas.

11.0 RUJUKAN

1) Sumber Buku

- i) Pengantar Pendidikan Khas, Mohd Zuri Ghani dan Aznan Che Ahmad. (2013). Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia.

2) Sumber Internet

- i) <http://pkbpsmkpadangpolopp.blogspot.com/p/latar-belakang.html>
- ii) <https://www.kahwinmall.com/blog/5-keistimewaan-anak-autism-yang-tidak-diketahui-masyarakat/>
- iii) <https://www.scribd.com/doc/78354006/Kaji-Selidik-Pelajar-Bermasalah-Pembelajaran>

3) Jurnal

- i) <https://www.scribd.com/doc/133390144/ulasan-jurnal-berkaitan-autisme>

12.0 LAMPIRAN



Foto 1: Papan Tanda SMK Padang Polo



Foto 2: Logo SMK Padang Polo



Foto 3: Bersama Responden



Foto 4: Majlis Tilawah Al-Quran Pendidikan Khas Peringkat PPDTL 2018



Foto 5: Aktiviti Kem Pengakap

CONTOH SOAL SELIDIK ATAU SENARAI SEMAK

BORANG SOAL SELIDIK
PPK 223: KEMAHIRAN HIDUP DALAM PENDIDIKAN KHAS
KAJIAN: KES TERHADAP KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS
TENTANG ASPEK KEMAHIRAN HIDUP

BAHAGIAN A: DATA RESPONDEN

Nama: _____

Umur: _____

Jenis masalah pembelajaran: _____

Tahun masuk sekolah: _____

BAHAGIAN B: ASPEK KEMAHIRAN HIDUP

Sila tandakan / pada skala yang paling tepat menunjukkan keadaan yang sebenar.

SKALA	PERKARA
0	Mustahil
1	Sangat susah
2	Sedikit susah
3	Senang
4	Langsung tiada masalah

BAHAGIAN 1: KEMAHIRAN HIDUP BERDIKARI/ PENJAGAAN DIRI

Sila tandakan / pada skala mengikut kemampuan anak melakukan dengan sendirinya aktiviti-aktiviti yang disenaraikan.

Aktiviti	0 mustahil	1 Sangat susah	2 Sedikit susah	3 Senang	4 Langsung tiada masalah
Makan/ minum					
Menggosok gigi					
Mencuci tangan					
Mencuci muka dan mulut					
Menyikat rambut					
Memakai pakaian atas badan					

BAHAGIAN 2: KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI DAN BERSOSIAL

Kemahiran	0 mustahil	1 Sangat susah	2 Sedikit susah	3 Senang	4 Langsung tiada masalah
Mengikuti arahan					
Menjawab soalan yang mudah					
Bercakap dengan jelas					
Berkomunikasi dengan orang yang tidak dikenali					
Bergaul dengan orang lain					
Berkawan dengan orang lain					

BAHAGIAN 3: KEMAHIRAN MANIPULATIF (3M)

Kemahiran Membaca	0 mustahil	1 Sangat susah	2 Sedikit susah	3 Senang	4 Langsung tiada masalah
Mengenali abjad huruf besar					
Mengenali abjad huruf kecil					
Menamakan abjad huruf besar					
Menamakan abjad huruf kecil					
Membaca suku kata					
Membaca perkataan					
Membaca ayat					

BAHAGIAN C: KESAN KEMAHIRAN HIDUP KEPADA PELAJAR

Arahan: tandakan (/) pada jawapan anda

Kesan	Pilihan jawapan	
	setuju	Tidak setuju
Mengurus diri sendiri		
Mampu berdikari		
Mahir mengendalikan alatan/bahan		
Mengasah bakat		